

Headline	STEM RM5,000 untuk sekolah terpilih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Oct 2014	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	24	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,082
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,245



STEM: RM5,000 untuk sekolah terpilih

KUALA TERENGGANU 6 Okt. - Chevron Malaysia Ltd. (Chevron) memperuntukkan sehingga RM5,000 kepada wakil dari setiap sekolah rendah dan menengah di negeri ini yang berjaya membentangkan kertas kerja terbaik untuk projek inovatif bagi meningkatkan pembelajaran dalam subjek Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM).

Peruntukan dalam bentuk bahan projek seperti komputer riba, projektor, kad memori, kamus, tablet dan peralatan berkaitan itu

diberikan hasil undian yang ditentukan oleh komuniti menerusi laman sosial, Facebook.

Penyerahan peruntukan itu dijangka disempurnakan oleh Pengerusi Chevron Malaysia dan Kemboja, Jeremy Oh Beng Chuan dalam satu majlis di Hotel Primula di sini Rabu ini.

Menurut wakil penganjur, Kris-hanti Beleya, projek tersebut pertama kali diperkenalkan di Terengganu selepas dilaksanakan di beberapa negeri lain sebelum ini.

“Kita mendapat penyertaan

yang menggalakkan daripada sekolah di negeri ini dan boleh dikatakan lebih 300 sekolah di sini telah mengambil bahagian. Sekolah yang terpilih pula akan diumumkan pada hari berkenaan (Rabu),” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Projek Komuniti Caltex dengan kerjasama Yayasan MyKasih itu dilancarkan dalam usaha meningkatkan pembelajaran STEM di sekolah selepas kejayaan program realiti TV *Driving Change With Caltex* dua tahun lalu.